

P-**raya**: Anwar nafi nak tanding atas tiket PAS

KUALA LUMPUR, Selasa — Presiden Angkatan Bella Islam Malaysia (ABIM), Encik Anwar Ibrahim, hari ini menafikan beliau akan bertanding menggunakan tiket PAS dalam pilihanraya umum akan datang.

Beliau pernah menyatakan hasrat untuk mengundurkan diri dari pucuk pimpinan ABIM dan digantikan dengan tokoh-tokoh baru seperti; Encik Kamaruddin Mohd. Noor, Encik Sidek Fadzil dan Encik Osman Bakar.

"Tapi tidak semestinya setelah saya berundur dari ABIM saya akan melibatkan diri secara langsung di bidang politik atau bertanding mewakili apa jua parti dalam pilihanraya akan datang," katanya lagi.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Ketika dihubungi di pejabatnya di Yayasan Anda Akademi beliau berkata, soal masuk atau keluar parti tidak ada kaitan langsung dengan pengundurannya dari ABIM.

Mengenai kesediaan Pesuruhjaya PSD Pulau Pinang, Haji Zabidi Ali yang mahu mengosongkan kerusi Parlimen Permatang Pauh dan Kerusi Dewan Undangan Negeri Sungai Dua kepadanya, Encik Anwar berkata:

"Saya mengucapkan terimakasih kepada Encik Zabidi yang memberi kepercayaan kepada saya".

Encik Anwar juga mengulas susunan Menteri dan Timbalan Menteri di bawah kabinet baru Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Secara keseluruhannya beliau menganggap susunan itu adalah baik dan keputusan Datuk Seri Dr. Mahathir meletakkan tokoh-tokoh ke Kementerian tertentu adalah bijak dan manasabah.

"Saya memuji Perdana Menteri kerana mengambil tokoh-tokoh muda yang berkualiti dan matang berpolitik," jelasnya lagi.